

**Sumber Perundangan Pembangunan Tanah Pertanian Menurut Perspektif Islam:
Dasar Pertanian Negara (DPN)**

Mohd Borhanuddin Zakaria

Juairiahi Hasan

Wan Ismail Wan Abdullah

Abstrak

Dasar Pertanian Negara (DPN) 1 1984-1991, DPN 2 1992-1997, DPN 3 1998-2010, merupakan satu transformasi kerajaan dalam meningkatkan pembangunan ekonomi negara, membangunkan sektor pertanian dan meningkatkan kualiti makanan negara. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sumber perundangan pertanian mengikut perspektif Islam. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis data-data yang dikumpulkan melalui pendekatan deskriptif dengan gabungan pendekatan kualitatif serta menganalisis teks termasuk menganalisis dokumen-dokumen seperti laporan-laporan rasmi, surat pekeliling, laporan tahunan, laporan jabatan, rancangan kewangan, laporan agensi, dan transkrip. Hasil kajian mendapati bahawa sumber perundangan pertanian Islam ialah menghapuskan dharar, mengetengahkan konsep al-falah wa al-khusran, mewujudkan konsep al-khalifah, mengelakkan segala bentuk al-israf iaitu pembaziran, menekankan konsep awlawiyyah dalam meningkatkan kualiti makanan dan pendapatan negara, menekankan produk pemakanan yang halal dan bersih. Implikasi kajian mencadangkan penerapan dasar pertanian Islam ke atas agensi yang terlibat khusus seperti Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani harus diberi perhatian berkaitan pembangunan pertanian dalam Islam dan pembangunan petani dalam melakukan usaha penambahbaikan ke atas pengurusan dan pentadbiran sejajar dengan hukum syarak.

Kata kunci: Pembangunan Tanah Pertanian, Dasar Pertanian Negara (DPN), Sumber Perundangan Pertanian Islam.

Abstract

The National Agricultural Policy (NAP) 1 1984-1991, NAP 2 1992-1997, NAP 3 1998-2010, is a government transformation in enhancing national economic development, developing agricultural sector and improving food quality. The objective of this study is to survey the sources of agricultural legislation in the Islamic perspective. The methodology of this study uses the design of data analysis studies collected through a descriptive approach with a combination of qualitative approaches and analyzes texts documents such as official reports, circulars, annual reports, department reports, financial plans, agency reports, and transcript. The findings show that the source of Islamic agricultural legislation is to abolish dharar, highlight the concept of al-falah wa al-khusran, create the concept of al-khalifah, avoid all forms of al-israf wastage, emphasizes the concept of awlawiyah in improving food quality and national income, emphasizes the food nutrition and clean diet. The implications of the study suggest that the adoption of Islamic agricultural policies on specialized

agencies such as the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry should be given due attention to the development of agriculture in Islam and the development of farmers in undertaking improvement efforts on management and administration in line with Islamic law.

Keywords: Agricultural Land Development, National Agricultural Policy (NAP), Source of Islamic Agriculture Law.

Pengenalan

Pembangunan tanah amat banyak dibincangkan sebagai wacana akademik. Pada hakikatnya ia amat penting sebagai suatu landasan pembangunan yang seimbang yang mengambil kira kedua-dua aspek fizikal dan spiritual iaitu pembangunan bukan hanya mementingkan keperluan aspek *tanmiyyah* ekonomi dan sosial semata-mata. Akibat daripada penekanan aspek ekonomi semata-mata pembangunan tanah telah membawa banyak kerosakan (Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed et al., 11-12 Ogos 2009 : 10). Pencapaian yang lebih baik dalam pembangunan mungkin memerlukan penguatkuasaan perundangan yang lebih menyeluruh dan mencakupi semua aspek yang berkaitan. Justeru itu, kajian berhubung pembangunan tanah mengikut perspektif Islam dan sivil (Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) Kaedah-Kaedah dan Perintah-perintah & Ordinan Pengambilan Tanah (Pampasan) Peruntukan Khas 1948, Pindaan 25 Mac 2014) perlu diperhalusi kerana pembangunan tanah melibatkan proses yang rumit dan perlu diikuti sebagai satu peraturan kerana pembangunan tanah bukanlah sesuatu yang mudah dijalankan. Terdapat pelbagai agensi yang memainkan peranan masing-masing dalam pembangunan tanah kerana salah satu aspek penting dalam pembangunan tanah adalah Dasar Pembangunan Nasional DPN yang dibentuk sebagai kerangka untuk memajukan negara khususnya melalui pembangunan tanah (Abd Latif Samian 1997 : 200).

Sumber Perundangan Pembangunan Tanah di Malaysia

Tanah merupakan penggerak utama dalam pembangunan negara namun ia dikategorikan sebagai harta dan tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang. Suatu ciri yang menjadi keunikan tanah adalah ia ditadbir oleh satu akta khusus yang dinamakan Akta Undang-Undang Harta 1925 dan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 (Seksyen 11, 12, 13, & 14 Akta 56/1965 dan Peraturan-Peraturan (Pindaan 10 Januari 2015 : 27), (Teo Keang Sood & Khaw Lake 1987 : 20). Pengaruh undang-undang tanah Islam ini dapat dilihat dalam undang-undang Melayu lama seperti Hukum Kanun Melayu, Kanun Pahang, Kanun Kedah, Kanun Perak dan Undang-undang 99 Perak. Sistem pemilikan tanah menurut adat dan Islam ini diketepikan setelah penerimaan negeri-negeri Melayu terhadap Sistem Torrens selepas Perjanjian Pangkor 1874 dan undang-undang Torrens ini mula diperkenalkan dalam bentuk statut seperti "*Land Code*" 1911, 1926 (Noor Aziah Mohd Awal 2002 : 27; Ahmad Mohamed Ibrahim 1997 : 689; Ahmad Mohamed Ibrahim 2009 : 75; Mohd

Ridzuan Awang 1987 : 90; Mohd Ridzuan Awang 1994 : 86-88) dan Kanun Tanah Negara 1965 yang mula berkuatkuasa di Malaysia pada 1 Jan 1966 (Harun Ariffin 6-8 Mei 1976 : 9).

Penentuan pembangunan tanah bermula dengan tujuan dipohon dan kesesuaian dari segi kelulusan iaitu sama ada menukar syarat kepada pertanian, bangunan atau industri. Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 seksyen 124, 135 dan 136 (Akta 56/1965 dan Peraturan-Peraturan (Pindaan 10 Januari 2015) melalui proses pertimbangannya merujuk kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai pembangunan seperti pihak Perancang Bandar dan Desa, Penguasa Tempatan dan sebagainya sebelum diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan Kanun Tanah Negara KTN 1965 seksyen 135, 140, 146 (Wan Abdul Wahid bin Wan Hasan 2002 : 242). Justeru itu, terdapat juga peruntukan undang-undang di bawah seksyen 115, 116, dan 117 Kanun Tanah Negara KTN 1965 (Kanun Tanah Negara, Akta 56/1965 dan Peraturan-Peraturan (Pindaan 10 Januari 2015) memperuntukkan bahawa tanah yang terbiar bagi tempoh dua tahun bagi tanah bangunan dan tiga tahun bagi tanah pertanian akan dikenakan tindakan seperti disita di bawah seksyen 129 (4) (C) Kanun Tanah Negara (Azmina Abd Manaf & Ismail Omar 2003 : 13).

Di dalam KTN, pengawalan pembangunan tanah diperuntukkan dengan amat jelas (Akta 56/1965 dan Peraturan-Peraturan (Pindaan 10 Januari 2015 : 27). Tujuan pengawalan ialah untuk memastikan tanah-tanah yang telah diberi milik itu digunakan menurut tujuan asal pemberian milik. Sekiranya penggunaan tanah yang berkenaan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan di dalam hak milik, tanah-tanah tersebut boleh dirampas tanpa sebarang bayaran pampasan dan hak miliknya dibatalkan (Seksyen 27, Akta 56/1965 dan Peraturan-Peraturan (Pindaan 10 Januari 2015 : 27) dan tanah-tanah yang berkenaan itu dijadikan tanah kerajaan. Umpamanya jika, sekeping tanah pertanian telah digunakan untuk projek perumahan tanpa mendapat kelulusan pihak berkuasa negeri, maka tanah tersebut boleh dirampas oleh kerajaan negeri dan dijadikan tanah kerajaan. Oleh itu, untuk membangunkan tanah, KTN telah menetapkan proses yang berikut yang perlu diikuti iaitu:

- a. Penukaran syarat tanah (Seksyen 124, Akta 56/1965 dan Peraturan-Peraturan (Pindaan 10 Januari 2015 : 139);
- b. Pemecahan sempadan tanah;
- c. Pemecahan sempadan dan penukaran syarat serentak;
- d. Pemecahan bahagian tanah;
- e. Penyatuan tanah;
- f. Penyerahan dan pemberian milik semula tanah (Seksyen 204 (A), Akta 56/1965 dan Peraturan-Peraturan (Pindaan 10 Januari 2015 : 214).

Pembangunan tanah melibatkan ramai perunding seperti perancang bandar, arkitek, jurutera, juruukur bahan, dan juruukur tanah yang berinteraksi antara satu dengan lain untuk berbincang dan mengemukakan pendapat bagi menjayakan pelaksanaan sesuatu cadangan pembangunan tanah. Sebarang bentuk kelulusan untuk cadangan pembangunan tanah tertakluk

kepada pandangan dan kelulusan jabatan kerajaan tertentu yang diberi kuasa mengikut bidang tugas dan kepentingan masing-masing. Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, dan Jabatan Bekalan Air adalah antara jabatan kerajaan yang terlibat sama dalam setiap cadangan pembangunan tanah di kawasan masing-masing (Md Said @ Mohd Zaid Abdullah dan Ismail Omar 2012 : 3).

Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN) 1 1984-1991

Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN) 1 bermula 1984-1991. DPN 1 ini diperkenalkan dengan tujuan untuk pembangunan pertanian sehingga tahun 2000. Memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber-sumber secara efisien, cuba menyekat penurunan berterusan sumbangan sektor pertanian kepada KDNK (Chamhuri Siwar & Norshamliza Chamhuri, 2009; Supian Ali & Mohd Zainuddin Salleh, 1994), guna tenaga dan eksport (Dasar Pertanian Negara 1984; Dasar Pertanian Negara Ketiga 1998-2010) dan mengambil pendekatan pembangunan pertanian dengan menekankan penglibatan dan pelaburan sektor swasta mengurangkan subsidi dan bantuan serta menggalakkan komersialisasi pertanian melalui perladangan kelompok, selain meneruskan pembangunan *in-situ* (Ahmad Mahzan Ayob, 1997).

Pada masa ini, sektor pertanian telah mencatat kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 3.2%. Jumlah nilai bertambah, hasil pertanian telah meningkat dari RM 11.9 bilion pada tahun 1985 kepada RM 16.2 bilion pada tahun 1995. Manakala, nilai eksport barangan pertanian pula telah meningkat daripada RM 13.9 bilion pada tahun 1985 (Nik Hasyim Mustafa & Zulkifly Osman, 1989) kepada RM 35.4 bilion pada tahun 1995 (Buku Maklumat Perangkaan Pertanian Malaysia 1986), kadar ini merupakan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 9.8% (Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975; Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985). Inilah antara dasar-dasar utama yang telah kerajaan bentuk untuk menyusun strategi pembangunan sektor pertanian pada tahun 1982 (Nik Hasyim Mustafa & Zulkifly Osman, 1989).

Beberapa pertimbangan telah dijadikan panduan dalam menggubal strategi dan program DPN (Nik Hasyim Mustafa & Zulkifly Osman, 1989) ketika sektor pertanian sedang menghadapi cabaran terhadap sumbangan dan peranannya dalam pembangunan negara (Chamhuri Siwar, 1988). Dasar Pertanian Negara DPN yang dibentuk selain daripada mengekalkan sumbangan sektor pertanian dalam membantu meningkatkan hasil pertanian ia juga memberi perhatian kepada usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan petani (Dasar Pertanian Negara 1984; Dasar Pertanian Negara Ketiga 1998-2010; Dasar Pertanian Negara 1992-2010). Di samping itu, ia juga merupakan satu dasar untuk jangka panjang yang menyeluruh dengan mengambil kira keperluan negara pada masa tersebut dan pada masa akan datang (Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia, 1988; Nor Aini Haji Idris & Ab. Razak, 2004).

Namun begitu, ramai yang menganggap penggubalan DPN agak lewat dikemukakan, iaitu setelah negara mencapai 25 tahun kemerdekaan. Ada juga golongan yang menganggap DPN sebagai tidak berbeza dengan dasar-dasar pertanian yang selama ini diamalkan oleh negara. Selain daripada sedikit perubahan kepada strategi, sebahagian besar strategi DPN tidak berbeza dengan dasar pertanian lampau (Chamhuri Siwar, 1988; Chamhuri Siwar & Abd Malik Ismail, 1998).

Objektif DPN 1 (1984-1991)

DPN 1 digubal untuk memajukan sektor pertanian. Antara objektif-objektif antaranya ialah:

- i. Membangunkan sektor pertanian yang berorientasikan eksport, dan memenuhi suasana semasa (Dasar Pertanian Negara, 1984);
- ii. Tenaga buruh yang mencukupi;
- iii. Dasar ekonomi yang berkembang (Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia, 1988);
- iv. Sumber tanah yang mencukupi;
- v. Tanaman komoditi, ladang, kelapa sawit, koko, getah, dan;
- vi. Infrastruktur diberi keutamaan (Dasar Pertanian Negara, 1984; Dasar Pertanian Negara Ketiga, 1998-2010).

Strategi dan Matlamat DPN 1

Manakala strategi-strategi berikut ditetapkan untuk mencapai objektif-objektif Dasar Pertanian Negara DPN antaranya (Dasar Pertanian Negara, 1984):

- i. Penyusunan semula dan penggunaan tanah secara optimum,
- ii. Penyerapan teknologi secara berkesan,
- iii. Pembaikan dan intensifikasi perkhidmatan dan infrastruktur pertanian (Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia, 1988);
- iv. Pembekalan subsidi input dan intensif harga, pengembangan industri asas tani (Dasar Agro Makanan Negara, 2011-2020; Chamhuri Siwar et al., 1998 : ; Nik Hasyim Mustafa & Zulkifly Osman, 1989).

Manakala matlamat DPN 1 disebut sebagai :

“Untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya memaksimumkan pendapatan bermaksud meningkatkan pendapatan dari kebun dan pendapatan negara (Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia, 1988). Konsep ini merangkumi aspek pengagihan dan

pertumbuhan ekonomi yang akan dicapai melalui penggunaan sumber-sumber secara cekap dengan lain perkataan, memaksimumkan pendapatan kebun berasaskan kepada kecekapan pengeluaran melalui pemilihan tanaman yang menguntungkan dan penggunaan teknologi yang cekap akan membawa kepada pertumbuhan sektor pertanian dan seterusnya menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi serta pengagihan yang adil” (Dasar Pertanian Negara, 1984; Dasar Pertanian Negara Ketiga, 1998-2010; Dasar Pertanian Negara, 1992-2010).

Walau bagaimanapun, kemerosotan sumbangan sektor pertanian terutama pada tahun-tahun 1970-an dan awal 80-an telah membawa kepada pembentukan Dasar Pertanian Negara DPN 1 (Dasar Pertanian Negara, 1984; Dasar Pertanian Negara Ketiga, 1998-2010) yang telah dilancarkan oleh Mantan Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai DPN 1 pada 12 Januari 1984 (Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia, 2004).

Oleh itu, usaha memajukan sektor pertanian bermula dari penekanan terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun (1971-1990) (Ahmad Mahzan Ayob, 1997) yang merangkumi konsep reformasi tanah sehinggalah kepada pelancaran DPN 1 (1984-1991) (Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia, 1988; Nor Aini Haji Idris & Ab. Razak, 2004). Walau bagaimanapun, DPN 1 telah menerima kritikan demi kritikan apabila sepanjang tempoh sumbangannya terhadap sektor pertanian kepada KDNK telah merosot daripada 20.55 peratus pada 1985 kepada 17.2 peratus pada 1991 (Chamhuri Siwar & Norshamliza Chamhuri, 2009; Supian Ali & Mohd Zainuddin Salleh, 1994).

Justeru, beberapa strategi telah dilancarkan seperti rancangan pengairan, subsidi input dan harga, pembukaan, penyatuan dan pemuliharaan tanah, bantuan tanaman semula (Ahmad Mahzan Ayob, 1997) termasuklah merancang beberapa pendekatan baru seperti pendekatan pertanian bersepadu, pembangunan wilayah, pusat pertumbuhan desa, pertanian berkelompok dan penyusunan semula kampung tradisi (Mohd Nasir Saukani, 2004).

Strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) juga melibatkan peningkatan penyertaan bumiputera dalam sektor moden seperti perindustrian. Peningkatan penyertaan dalam sektor industri telah menyebabkan wujudnya kesan perpindahan buruh dan memberikan impak terhadap kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian dan seterusnya membawa kepada kemunculan isu tanah terbiar (Data Tanah Terbiar, 2015). Selain itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) (Mohd Nasir Saukani, 2004) juga telah memperkenalkan konsep reformasi tanah yang telah mempengaruhi pendekatan dan pelaksanaan pembangunan pertanian. Antaranya melalui pembaikan terhadap institusi cara milik tanah atau organisasi pertanian (Chamhuri Siwar & Norshamliza Chamhuri, 2009; Supian Ali & Mohd Zainuddin Salleh, 1994).

Bersesuaian dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, maka pelaksanaan reformasi tanah telah tertumpu kepada reformasi hak milik tanah pertanian, seperti pembahagian semula tanah,

penyatuan tanah, program pertanian secara bersama dan koperasi serta rancangan kemajuan dan pembangunan tanah (Mohd Nasir Saukani, 2004).

Secara ringkasnya, pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermula dengan Rancangan Malaysia Ke-2 (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005) hingga Rancangan Malaysia Ke-5 (Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1998; Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990) serta kemunculan konsep reformasi tanah, bukanlah bertujuan untuk mengatasi masalah tanah pertanian terbiar semata-mata, tetapi dua matlamat awalnya bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Walau bagaimanapun, apabila sektor pertanian berdepan dengan masalah tanah pertanian terbiar, beberapa tindakan serius diambil melalui perlaksanaan DPN 1 (Mansor Jusoh et al., 1994), dan kemudiannya penekanan khusus diberikan pada Rancangan Malaysia Ke-7 serta Rancangan Malaysia Ke-8 (1996-2000) (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000; Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005).

Oleh itu, amat jelas sekali, dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) (Ahmad Mahzan Ayob, 1997) yang meliputi fasa Rancangan Malaysia Pertama (RMP) (1966-1970), Rancangan Malaysia Ke-2 (1971-1975), Rancangan Malaysia Ke-3 (1975-1980), Rancangan Malaysia Ke-4 (1981-1985) dan Rancangan Malaysia Ke-5 (1986-1998) seterusnya Rancangan Malaysia Ke-9 pihak kerajaan telah melancarkan DPN dan pembangunan luar bandar dengan tujuan membasmi kemiskinan dan memperbaiki agihan pendapatan masyarakat. Justeru itu, Islam telah menggariskan beberapa sumber perundangan dalam pembangunan tanah pertanian.

Sumber Perundangan Tanah Pertanian Mengikut Perspektif Islam

a. Pembangunan Melalui *Maqasid al-Shari'ah*

Pembangunan berpandukan kepada prinsip Islam merupakan pembangunan yang berteraskan *maqasid al-shari'ah*. Islam telah meletakkan secara empat komponen yang harus digunapakai dalam mana-mana pembangunan selain pembangunan manusia, iaitu penggunaan tanah, air, udara, dan bunyi (Zubair Hassan 2006 : 27). Tujuan utama pembangunan tanah, air, dan udara ialah mengelakkan pencemaran dan menjaga kebersihan. Nabi s.a.w pernah melarang para sahabat membuang sampah sarap di kawasan awam atau berdekatan dengan pokok buah-buahan (al-Zuhayli, Wahbah 1989 : 40).

Semasa Abu Musa al-Ash'ari dihantar ke Basrah sebagai Gabenor, beliau dikatakan berucap kepada orang ramai bahawa, "aku telah diutuskan kepada kamu oleh 'Umar al-Khattab untuk mengajar kamu al-Qur'an, dan al-Sunnah Nabi s.a.w dan membersihkan lorong-lorong kamu" (Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed 2009 : 10; Ismail Omar & Shahrom Md. Ariffin 2012 : 17).

Justeru itu, dalam konteks Malaysia, kerangka fizikal memang telah wujud sejak sekian lama menerusi perundangan, polisi, instrumen, strategi, dan mekanisme pembangunan seperti Kanun Tanah Negara 1965 (Antara bahagian-bahagian yang secara tidak langsung berkait dengan pembangunan harta tanah ialah, seksyen 124 (kepelbagaian syarat, sekatan, dan kategori); seksyen 135-139 (pecah sempadan); seksyen 140-145 (pecah, bahagian); seksyen 146-150 (penyatuan tanah); seksyen 124A (permohonan serentak berkaitan seksyen 124 dan 135-139); dan seksyen 204A-204H (serah balik kurnia semula), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2007, Akta Hak milik Strata (Pindaan) 2007, Akta Jalan, Perparitan, dan Bangunan (Pindaan) 2007, Akta Penyenggaraan dan Pengurusan Bangunan dan Harta Bersama 2007, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, Akta Pemuliharaan Tanah 1960, Akta Penambakan Tanah dan Zon Pantai, dan lain-lain (Abdul Aziz Hussin 1996 : 19; Joshua Kevin Sathiaselalan 2006 : 11; Tun Mohd Salleh Abas 1988 : 20-21; Ahmad Mohamed Ibrahim 1999 : 415).

b. Pembangunan Berdasarkan Kepada *Dharuriyyat* (perkara yang darurat)

Al-dharuriyyat adalah pembangunan yang wajib dan diperlukan untuk kehidupan manusia. Manakala, *al-hajjiyyat* adalah pembangunan yang apabila ianya tidak ada maka kehidupan akan menjadi sangat susah, sedangkan *al-tahsiniyyat* adalah merupakan perkara pelengkap yang menjadi hiasan tambahan di dalam kehidupan dan dengan keberadaannya maka kehidupan manusia akan menjadi lebih sempurna (Amin al-Jarumi 2010 : 119). Contoh pembangunan sektor pertanian yang mempunyai kepentingan umum didahulukan kerana pembangunan tersebut termasuk dalam perkara-perkara *al-dharuriyyat* (darurat) untuk menjamin bekalan makanan yang kukuh. Begitulah seterusnya pembangunan yang dibina yang termasuk ke dalam *al-hajjiyyat* (keperluan), mesti didahulukan ke atas pembangunan yang termasuk dalam *al-tahsiniyyat* (pelengkap) (Yusuf al-Qardhawi 2012 : 288).

Perkara *al-dharuriyyat* terbahagi kepada lima bahagian ataupun peringkat, seperti yang dijelaskan oleh ulama usul (Amin al-Jarumi 2010 : 119). Jika dilihat dari sudut pandangan Islam, pembangunan yang menyeimbangkan sektor ekonomi, keadilan masyarakat, dan pemuliharaan alam sekitar (Zubair Hassan 2006 : 21) mestilah berlandaskan kepada lima *maqasid al-shari'ah* seperti yang terdapat di dalam kitab-kitab fiqh iaitu :

- i. Pemeliharaan agama;
- ii. Perlindungan nyawa;
- iii. Pemeliharaan akal;
- iv. Pemeliharaan keturunan,
- v. Perlindungan harta benda,
- vi. Menjaga nama baik (al-Qardhawi, Yusuf 2015 : 288).

Justeru itu, memelihara kemurnian agama adalah merupakan perkara darurat yang paling utama dan penting, ianya mesti didahulukan ke atas perkara-perkara darurat yang lain, hatta jiwa sekalipun. Begitu juga, memelihara keselamatan jiwa mesti diutamakan dan didahulukan ke atas perkara-perkara darurat yang selebihnya (Amin al-Jarumi 2010 : 119).

- i. Mengutamakan kemaslahatan yang telah diyakinkan terjadinya ke atas kemaslahatan belum dapat diyakinkan berlakunya (al-Qardhawi, Yusuf 2012 : 288);
- ii. Mengutamakan kemaslahatan yang besar ke atas kemaslahatan yang lebih kecil;
- iii. Mengutamakan kemaslahatan *jemaah* (orang ramai) ke atas kemaslahatan seseorang individu;
- iv. Mengutamakan kemaslahatan golongan yang lebih banyak ke atas kemaslahatan golongan yang lebih sedikit (Mohd Akhir Hj Yaacob 1991 : 36);
- v. Mengutamakan kemaslahatan yang kekal dan abadi ke atas kemaslahatan yang bersifat sementara dan terhad;
- vi. Mengutamakan kemaslahatan yang asasi dan mendasar ke atas kemaslahatan sampingan dan pinggiran (al-Qardhawi, Yusuf 2012 : 288);
- vii. Mengutamakan kemaslahatan masa depan yang kuat ke atas kemaslahatan sekarang yang lemah (al-Qardhawi, Yusuf 2015 : 25-26).

c. Pembangunan Yang Bebas Dari Kemudaratan

Pembangunan dalam Islam menolak segala kemudaratan. Kemudaratan tidak semuanya berada dalam peringkat dan darjat yang sama, tetapi ianya berbeza-beza dan berperingkat-peringkat. Kemudaratan yang menghalangi perkara *al-Dharuriyyat* (darurat), tidak sedarjat dengan yang menghalangi perkara *al-Hajiyyat* (keperluan) dan juga tidak sedarjat dengan yang menghalangi perkara *al-Tahsiniyyat* (pelengkap dan penyempurna) (al-Qardhawi, Yusuf 2015 : 25-26). Kerosakan yang menimpa harta benda lebih rendah darjatnya daripada yang menimpa jiwa, dan kerosakan yang menimpa jiwa lebih rendah darjatnya daripada yang menimpa agama dan aqidah (°Abd Karim Zaydan 1986 : 216-223; Qal°aji, Muhammad Rawwas 1991 : 103; Za°tari, °Alauddin Mahmud 1996 : 68; al-Zarqa°, Mustafa Ahmad 1983 : 131).

Kesimpulannya, bahawa *al-mafasid* (kerosakan) dan *al-Madhar* (kemudaratan) itu berbeza-beza dan berperingkat-peringkat, tidak berada pada darjat yang sama. Oleh kerana itu, para ulama usul fiqah telah mengambil beberapa kaedah hukum, antaranya (al-Zarqa°, Mustafa Ahmad 1983 : 329; al-Suyuti, al-Imam Jalal al-Din °Abd Rahman Ibn Abi Bakr, 1998 : 171; Ahmad Bakhis al-Ghazali 2008 : 323-326) :

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya : “Dilarang menyebabkan timbulnya kemudaratan (kerosakan/kerugian), dan dilarang membalas balik kemudaratan/kerugian kepada orang lain”.

الضرر يزال بقدر الإمكان

Maksudnya : “Kemudaratan (kerosakan/kerugian) mesti dihalang terjadi, sekadar kemampuan”.

الضرر لا يزال بضرر مثله أو أكبر منه

Maksudnya : “Kemudaratan itu tidak boleh dihalang dengan melakukan kemudaratan (kerosakan) yang seumpama atau yang lebih besar daripadanya”.

يرتكب أخف الضررين وأهون الشرين

Maksudnya : “Apabila ada dua kemudaratan, maka dibolehkan melakukan kemudaratan (kerosakan/kerugian) yang lebih kecil dan lebih kurang akibatnya”.

يتحمل الضرر الأدنى لدفع الضرر الأعلى

Maksudnya : “Untuk menghalangi kemudaratan yang lebih besar, maka dibolehkan melakukan kemudaratan yang lebih kecil”.

يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام

Maksudnya : “Untuk menghalangi kemudaratan yang akan menimpa orang ramai, maka dibolehkan melakukan kemudaratan yang akan menimpa seseorang peribadi”.

Justeru itu, sesuatu yang menjadi keutamaan ialah membina masjid, perumahan, sekolah-sekolah agama, taman mainan, pusat tuisyen dan pusat komoditi setempat, membersihkan hutan untuk pembangunan sektor pertanian atau menjadikan status tanah pertanian terbiar serta memajukannya menjadi kawasan pertanian, perindustrian dan pelancongan supaya kemajuan ekonomi seterusnya menghasilkan produk-produk makanan yang berkualiti merupakan satu kepentingan mengikut pandangan Islam (Khurshid Ahmad 1981 : 110).

d. Pembangunan Berdasarkan Kepada *al-Hajjiyyat* dan *al-Tahsiniyyat*

Pembangunan *al-Hajjiyyat* merupakan sesuatu yang disyariatkan untuk keperluan manusia untuk kemudahan dan menghilangkan segala kesempitan (Muhammad Salam Madkur 1963 : 484-485; Muhammad Abu Zuhrah t.th : 47; al-Shalabi, Muhammad 1985 : 3399). Kerja dan tindakan yang tidak akan menyulitkan kehidupan dengan meninggalkannya, namun meraikannya merupakan kemuliaan akhlak atau kebaikan dari segi adat. Ia menyempurnakan dengan sesuatu yang layak dan menjauhkan sesuatu yang tidak layak seperti daripada kekotoran dan kekejian (Amin al-Jarumi 2010 : 121).

Sebagai contoh, proses pembangunan tanah pertanian juga adalah sesuatu yang rumit dan perlu diikuti sebagai satu peraturan. Terdapat pelbagai agensi yang memainkan peranan masing-masing dalam pembangunan tanah termasuk tanah pertanian kerana salah satu aspek penting dalam pembangunan tanah adalah mengikut garis panduan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dibentuk sebagai kerangka untuk memajukan negara khususnya. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ini menjadi panduan dalam usaha memajukan tanah sebagai sumber pengeluaran bagi aktiviti ekonomi yang melibatkan sumber tanah (Ismail Omar & Shahrom Md. Ariffin 2012 : 17).

Pembangunan berdasarkan *Awlawiyyat*

a. *Awlawiyyat* Dalam Menjaga Sumber Tanah dan Sumber Air

Misalnya sisa pepejal mahupun bukan pepejal tidak harus dibuang di atas tanah yang mungkin digunakan sebagai kawasan pertanian, kediaman, rekreasi, kemudahan awam. Sistem pembetungan yang betul, kawalan kumbahan, saluran perpaipan yang bersih, penghindaran bahan-bahan toksik seperti kimia, racun rumpai serangga, makhluk perosak, kebersihan kawasan tadahan dan simpanan air mestilah dipastikan dalam pembangunan Islam (Khurshid Ahmad 1981 : 114).

Aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pencemaran mestilah dielakkan. Begitu juga pembangunan yang menyebabkan hakisan atau pemendapan tanah. Penguatkuasaan undang-undang dan mekanisme sosial perlu dilaksanakan dengan betul dan bersungguh-sungguh dalam soal ini (Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed et al., 2009 : 10; Omar & Shahrom Md. Ariffin 2012 : 18).

Terkandung di dalam pengertian pemuliharaan alam sekitar ialah perlindungan, pembaikan semula dan ia mesti dijemakan di dalam sistem ekologi atau ekosistem. Sesungguhnya, sistem ekologi sebagai sebahagian daripada sistem alam sekitar adalah sebahagian daripada agama Islam. Allah S.W.T memerintahkan manusia supaya menjaga alam sekitar. Ini dilaksanakan dalam rangka tugas utama manusia kepada Allah S.W.T (hak-hak Allah) dan tugas kepada sesama manusia hak-hak manusia (Manzoor 2009 : 364).

Kepentingan air dalam kehidupan manusia amat penting dan ia merupakan elemen alam sekitar yang banyak disebut di dalam al-Qur'an seperti al-Nahl, 65: 16 al-Anbiya', 30: 17 al-Rum, 24: 18 dan Qaf, 9: 19. Ini kerana boleh dikatakan kesemua kehidupan memerlukan bukan sahaja sumber air perlu dijaga dari pencemaran, ia juga perlu digunakan secara jimat. Berdasarkan riwayat Imam Abu Dawud, Nabi s.a.w bersabda bahawa akan terdapat manusia dari kalangan umat ini yang melampau-lampau dalam berdoa dan berwuduk. Ini menunjukkan bahawa ajaran Sunnah amat menitik beratkan penjimatan sumber air. Dalam erti kata yang lain, penggunaan air

tanpa berperaturan merupakan salah guna sumber dan ini ditegah oleh Islam (Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed et al., 11-12 Ogos 2009 : 10; Ismail Omar & Shahrom Md. Ariffin 2012 : 17).

Selain sistem tarif yang memberi penalti terhadap pembaziran air, peranti perpaipan ke bangunan-bangunan kediaman, perdagangan, institusi-institusi, kawasan perindustrian, dan sebagainya perlu direka bentuk supaya dapat menjimatkan air. Sebagai misalan, isi padu air yang keluar dari muncung paip di rumah-rumah kediaman boleh dikawal menggunakan injap yang direka khas, supaya air tidak keluar terlalu banyak atau terlalu laju. Reka bentuk kawasan pembangunan hendaklah dipastikan supaya perparitan tidak terus mengalirkan air ke badan-badan air utama seperti kolam, sungai, dan laut (Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed et al., 11-12 Ogos 2009 : 10; Ismail Omar & Shahrom Md. Ariffin 2012 : 17).

b. *Awlawiyyat* Dalam Penghindaran Pencemaran Udara

Memelihara udara dari bahan-bahan cemar adalah penting sekali. Beberapa Hadis menunjukkan bahawa Nabi s.a.w tidak menggalakkan malah melarang aktiviti-aktiviti yang menyebabkan bau busuk di tempat-tempat awam. Pengajaran dari hadis sedemikian amat jelas apabila misalnya Nabi s.a.w. melarang sahabat dari ke masjid selepas memakan halia atau bawang. Pokok dari larangan mencemarkan udara ialah kerana ia membawa mudarat (al-Qardhawi, Yusuf 2015 : 25-26). Contohnya, pembakaran terbuka, pembakaran hutan secara besar-besaran, dan CFC yang menipiskan lapisan ozon. Contoh yang lain ialah karbon monoksida dari kenderaan (Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed et al., 11-12 Ogos 2009 : 10; Ismail Omar & Shahrom Md. Ariffin 2012 : 17).

c. Penghindaran Pencemaran Bunyi

Bunyi yang kuat dan mengganggu secara fizikal dan psikologikal. Banyak Hadis melarang bunyi kuat atau bising yang terbit dari kelakuan kurang bijak. Malahan dalam al-Qur'an, Luqman ayat 19, nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya tentang tegahan suara yang kasar. Dalam Islam, suara adalah unsur penting untuk mewujudkan ketenangan dan kedamaian atau sebaliknya menimbulkan gangguan.

Suara atau bunyi kuat, misalnya, tidak dibenarkan di dalam masjid kerana ia mengganggu ketenangan orang yang hendak *tawajjuh* kepada Allah S.W.T. Malahan, membaca al-Qur'an dengan kuat adalah tidak digalakkan kerana ia mengganggu kekhusyukan orang lain untuk beribadat. Dari segi sains, bunyi bising yang kuat dan berterusan boleh mengurangkan keupayaan seseorang memberi gerak balas secara normal akibat beberapa masalah seperti pendengaran dan psiko-somatik (Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed et al., 11-12 Ogos 2009 : 10; Ismail Omar & Shahrom Md. Ariffin 2012 : 17).

Ketiga-tiga kepentingan atau *al-Masalih* ini merupakan titik tolak konsep *al-Masalih al-Mursalah* kerana ia adalah antara masalah yang syarak meraikan kepentingan orang ramai dalam mensyariatkan hukum yang berkaitan dengan kehidupan di dunia sebagai kurniaan Allah S.W.T bukan suatu tuntutan wajib ke atasNya. Oleh itu, ramai di kalangan para ulama berpegang dengan *al-Masalih al-Mursalah*. Pegangan ini dipersetujui oleh ulama Syafie, antaranya Imam al-Ghazali dalam *al-Masalih al-Daruriyyah* (al-Mawardi, al-Qudah Abi al-Hassan ‘Ali Ibn Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi t.th : 194).

d. Islam Melarang Merosakkan Alam Sekitar

Barangkali, akar-akar metafizikal dan falsafah yang lemah yang dijemakan dalam sikap terhadap alam sekitar telah menyebabkan tamadun moden pada hari ini lebih membawa malapetaka, bukannya kesejahteraan. Ini diakui sendiri oleh al-Qur’an dalam surah al-Rum, 41: 9 dan untuk membetulkannya, setiap pembangunan tanah mesti kembali kepada konsep Islam. Islam mempunyai asas yang kukuh dalam soal etika tentang alam sekitar, pada dasarnya, pembangunan tanah yang merosakkan alam adalah dilarang oleh Islam. Dasar hukum sedemikian adalah berdasarkan makna-makna zahir ayat al-Qur’an seperti al-Baqarah, 195:10, al-A’raf, 57: 11 dan; al-Qasas: 77: 12.

Menurut al-Syeikh Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi (2015), menjaga alam sekitar itu adalah fardu. Pembangunan tanah tanpa perancangan yang baik atau pelaksanaan kerja-kerja pembangunan yang tidak mengikut peraturan menyebabkan alam ini menjadi semakin rosak (Khurshid Ahmad 1981 : 114).

Misalnya, penarahan bukit dalam kerja-kerja tanah bagi pembinaan mungkin menjimatkan kos pembangunan tanah tetapi ia menyebabkan salah urus alam sekitar seperti penebangan pokok-pokok, pemotongan tanah, dan penimbunan punca atau jalan air secara sewenang-wenangnya. Akhirnya, ini mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh, pencemaran air, banjir lumpur, dan sebagainya. (Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed et al., 11-12 Ogos 2009 : 10; Ismail Omar & Shahrom Md. Ariffin 2012 : 17).

e. Islam Mendahului Kecekapan dan Pelestarian Alam Sekitar

Mewujudkan pembangunan yang seimbang suatu tuntutan Islam (Kassam 2003 : 445). Islam tidak menghalang peraturan-peraturan dalam pelaksanaan pembangunan secara moden asalkan ia membawa kepada pembangunan yang terancang dan teratur. Proses pembangunan seperti yang diamalkan di Malaysia perlu diperkukuhkan dari semasa ke semasa (Khurshid Ahmad 1981 : 115).

Kecekapan pembangunan perlu dilandaskan kepada kecekapan teknikal dan ekonomi, pengoptimuman penggunaan sumber-sumber pembangunan seperti tanah, buruh, modal,

maklumat dan pengurusan perlu dipastikan. Sebagai misalan, masih banyak tanah-tanah wakaf dan baitulmal yang tidak dibangunkan sehingga ke hari ini. Padahal, harta tanah wakaf adalah suatu khazanah yang amat bernilai untuk dibangunkan demi kesejahteraan masyarakat (Khurshid Ahmad 1981 : 115).

Pembaziran sumber-sumber, terutamanya tanah dan wang, adalah suatu fenomena yang agak ketara dalam pembangunan tanah di Malaysia. Misalnya, pembangunan yang tidak dirancang dengan betul menyebabkan projek terbengkalai. Ini menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada masyarakat dan pemaju sendiri. Bagi projek pembangunan tanah yang berjaya dilaksanakan, ia amat bergantung pada pengurusan projek binaan yang cekap dan berkesan (Kassam 2003 : 445).

f. Isu Keluasan Tanah Pertanian Terhakis

Jumlah keluasan tanah pertanian bagi aktiviti pengeluaran makanan telah menurun sebanyak 0.8% setahun dalam tempoh 2000 hingga 2010 (Perangkaan Agro Makanan 2014 : 3-18; Perangkaan Agro Makanan 2014 : 378). Penurunan ini adalah berikutan penukaran kawasan tanaman makanan kepada tanaman kelapa sawit serta pembangunan kawasan kediaman dan industri (Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 : 18; Perangkaan Agro Makanan 2014 : 11). Kadar pertumbuhan tahunan purata tanaman padi tahun 2001-2005 sebanyak 1.4 %. Manakala, kadar pertumbuhan penggunaan penanaman padi 2010 hanya 0.5 % sahaja. Lihat jadual 1 penggunaan tanah Industri Agro Makanan, 2000-2010:

Jadual 1 : Penggunaan tanah industri agro makanan, 2000-2010						
Butiran	2000	2005	2010*	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
				2001-2005	2006-2010	2001-2010
Tanaman	980.1	881.3	890.2	(2.1)	0.2	(1.0)
Padi	466.5	435.3	444.3	(1.4)	0.4	(0.5)
Buah-buahan	315.0	293.1	298.4	(1.4)	0.4	(0.5)
Sayur-sayuran	34.4	26.0	29.6	(5.4)	2.6	(1.5)
Florikultur	1.6					
Herba & Rempah	4.0	3.9	5.5	(0.5)	6.9	3.1
Ratus						
Kelapa	158.6	121.0	110.0	(5.3)	(1.9)	(3.6)
Perikanan	19.2	22.5	32.0	3.2	7.3	5.2
Akuakultur	15.6	15.7	21.8	0.1	6.8	3.4
Rumpai Laut	3.2	6.3	9.2	14.3	7.9	11.0
Ikan hiasan	0.4	0.5	1.0	8.4	13.4	10.9
JUMLAH	999.3	903.8	922.2	(2.0)	0.4	(0.8)

Sumber: Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

Manakala, pengeluaran komoditi makanan utama telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan iaitu pada kadar 3.7% setahun walaupun berhadapan dengan beberapa krisis pada

peringkat global termasuk krisis minyak dan kewangan yang telah meningkatkan kos pengeluaran makanan. Antara komoditi yang menunjukkan pertumbuhan yang tinggi ialah daging kambing, daging lembu, susu dan akuakultur (Anon, Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 : 3-18; Perangkaan Agro Makanan 2014 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani : 378). Peningkatan pengeluaran industri agro makanan ini selaras dengan inisiatif untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan negara. Persekitaran yang kondusif turut menggalakkan pihak swasta bersama-sama petani, penternak dan nelayan untuk menyumbang kepada pertumbuhan baik industri ini (Perangkaan Agro Makanan 2014 : 11; Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 : 18). Lihat jadual 2 berkaitan pengeluaran komoditi makanan utama 2000-2010 ('000 tan metrik) :

Jadual 2 : Pengeluaran komoditi makanan utama, 2000-2010 ('000 tan metrik)

Butiran	2000	2005	2010*	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
				2000-2005	2006-2010	2000-2010
Tanaman	2,914	3,774	4,061	5.3	1.5	3.4
Beras	1,382	1,490	1,642	1.5	2.0	1.7
Buah-buahan	1,027	1,612	1,768	9.4	1.9	5.6
Sayur-sayuran	505	672	651	5.9	-0.6	2.6
Ternakan	1,287	1,676	2,186	5.4	5.5	5.4
Daging	18	29	47	10.0	10.1	10.1
Lembu/Kerbau						
Daging	1	2	2	10.8	9.9	10.3
Kambing/Bebiri						
Daging Ayam/Itik	714	980	1,269	6.5	5.7	6.1
Daging Babi	160	218	234	6.4	1.4	3.9
Telur	365	406	540	2.2	5.9	4.0
Susu	29	41	67	7.2	10.3	8.7
Ikan / Makanan	1,089	1,084	1,338	-0.1	4.3	2.1
Perikanan Laut	937	908	989	-0.6	1.7	0.5
Akuakultur	152	176	349	3.0	14.7	8.7
JUMLAH	5,290	6,534	7,585	4.3	3.0	3.7

Sumber: Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

Secara amnya, produktiviti kawasan bagi komoditi makanan menunjukkan peningkatan dalam tempoh 2000 hingga 2010. Pengurangan kawasan dan peningkatan intensiti penanaman. Pengusahaan pertanian secara berskala besar serta penggunaan teknologi menyumbang kepada peningkatan produktiviti ini (Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 : 3-18; Perangkaan Agro Makanan 2014 : 378).

Oleh itu, pengeluaran beras tempatan perlu ditingkatkan bagi memastikan bekalan beras negara mencukupi memandangkan hanya 7% daripada jumlah pengeluaran beras dunia didagangkan. Ketidakstabilan bekalan dan permintaan yang semakin meningkat dan kuantiti dagangan beras di pasaran antarabangsa yang kecil menyebabkan harga beras cenderung mengalami turun naik (Perangkaan Agro Makanan 2013 : 3). Ini dapat dilihat apabila harga *Thai White Rice* (TWR) 5% yang mencapai tahap tertinggi sebanyak USD 1,000 tan metrik semasa krisis makanan dunia pada tahun 2008 berbanding harga purata sebanyak USD 300 tan metrik

bagi tempoh 2004 hingga 2006. Sehubungan dengan itu, usaha akan ditumpukan untuk mengukuhkan industri padi dan beras negara melalui peningkatan produktiviti, pengurusan stok penimbal yang cekap dan pengukuhan institusi berkaitan (Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 : 18; Perangkaan Agro Makanan 2014 : 378).

Kesimpulan

Secara umumnya sumber perundangan pembangunan tanah pertanian dalam Islam berteraskan *akhlaqiyyah* dan *insaniyyah* yang seimbang, seterusnya mengutamakan kepentingan *darurat*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. Pembangunan tanah Islam juga adalah pembangunan yang tidak ada kemudaran, mencegah segala pembaziran, mengutamakan yang penting dalam agama, mengelak segala penyelewengan, menjaga sumber tanah dan sumber air, melarang merosakkan alam sekitar, penghindaran pencemaran bunyi dan penghindaran pencemaran udara. Islam mementingkan keseimbangan fizikal dan spiritual. Kedua-duanya ibarat jasad dan roh. Tanpa roh, jasad tidak berguna. Tanpa aspek pembangunan spiritual, pembangunan fizikal tidak mempunyai sebarang makna dari kaca mata Islam.

Rujukan

- Abd Latif Samian. (1997). *Dasar Pembangunan Nasional, Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia*. Bangi Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mahzan Ayob. (1997). *Pembangunan Pertanian: Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmina Abd Manaf & Ismail Omar. (2013). *Tanah Pertanian Terbiar, Ekonomi Institusi*. Bangi Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) Kaedah-Kaedah dan Perintah-perintah & Ordinan Pengambilan Tanah (Pampasan) Peruntukan Khas 1948. (Pindaan 25 Mac 2014). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Amin al-Jarumi. (2010). *Usul Fiqh Prinsip-Prinsip Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Teknologi Mara.
- Basri Abdul Talib. (2009). *Kepentingan dan Masa Depan Sektor Pertanian, Ekonomi Malaysia ke arah Pembangunan Seimbang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Booklet Statistik Tanaman-Sub Sektor Tanaman Makanan (2015). Putrajaya: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia.
- Buku Perangkaan Pertanian (2008). Putrajaya: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia.
- Chamhuri Siwar & Norshamliza Chamhuri. (2009). *Strategi dan Prospek Mencergaskan Semula Sektor Pertanian Negara*. dlm. *Ekonomi Malaysia ke arah Pembangunan Seimbang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020. (2014). Putrajaya: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia.
- Dasar Komoditi Negara 2011-2020. (2012). Putrajaya: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia.
- Dasar Pertanian Negara. (1984), 12 Januari. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia.
- Dasar Pertanian Negara Ketiga 1998-2010. (1999), 22 Febuari. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia.
- Harun Ariffin. (1976), 6-8 Mei. Seminar Tertinggi Pembangunan Tanah 1, Dasar Tanah Pembangunan, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Ismail Omar & Shahrom Md. Ariffin. (2012). *Prinsip-Prinsip Pelaburan Harta Tanah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kajian Semula Dasar Pertanian Negara DPN (1984). Putrajaya: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia.
- Kanun Tanah Negara. (2015). Seksyen 124,135,136. Akta 56/1965 dan Peraturan-Peraturan. Pindaan 10 Januari 2015. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Laporan Tahunan (2013). Putrajaya: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia.
- Miswan @ Abdul Hakim bin Mohammed, Abdul Hamid bin Hj. Mar Iman & Adibah binti Awang. (2009), 11-12 Ogos. Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian Alam. Kertas Kerja yang disampaikan dalam Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd Akhir Hj Yaacob. (1991). *Ahkam al-Adliyyah: Undang-Undang Sivil Islam*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Suffian bin Haji Harun. (1982), 20 November. Interaksi Agensi-agensi Kerajaan dan Usahawan-Usahawan Bumiputera. Kertas Kerja yang disampaikan dalam Konvensyen Perusahaan Kecil Bumiputera. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Universiti Malaya.
- Muhammad Abu Zuhrah. (1976). *al-Milkiyyah wa Nazairiyyah al-Aqd fi Shari'ah al-Islamiyyah*, Kaherah Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Nik Abd Rashid. (1976), 6-8 Mei. Undang-Undang Tanah dan Implikasinya ke atas Dasar Tanah. Kertas Kerja yang disampaikan dalam Seminar Tertinggi Pembangunan Tanah 1, Dasar Tanah Pembangunan. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Perangkaan Agro Makanan (2014). Putrajaya: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia.
- al-Shalabi, Muhammad. (1985M-1405H). *al-Madkhal fi al-Ta'rif bi al-Fiqh al-Islami*. Beirut Lubnan: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- al-Suyuti, al-Imam Jalal al-Din 'Abd Rahman Ibn Abi Bakr. (1998M-1419H). *al-Ashbah wa al-Nazair*. Jil. 2. Cet.1. Beirut Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Qardhawi, Yusuf. (1998). *Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Blue T.T Sdn. Bhd.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. (1968). *al-Madkhal al-Fiqh al-Am al-Islami Fi Thawbi al-Jadid*. Jil. 1. Beirut Lubnan: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Fiqh Perundangan Islam*. Jilid V. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaydan, °Abdul Karim. (1994). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Cet. 1. Iraq Baghdad: Dar al-Tawzi° wa al-Tasyri° al-Islamiy.

Zubair Hassan. (2006). *Sustainable Development from an Islamic Perspective: Meaning, Implications and Policy Concerns*. *Jurnal Islamic Economics*, 19 (1): 3-18.

Mohd Borhanuddin Zakaria

Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak

21300 Kuala Nerus, Terengganu

borhanuddin@unisza.edu.my

Juairiahi Hasan

Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak

21300 Kuala Nerus, Terengganu

Wan Ismail Wan Abdullah

Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak

21300 Kuala Nerus, Terengganu